

05 APR 1998

Mahathir-ASEM

MISI EROPAH KE ASIA UNTUK PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Negara-negara Kesatuan Eropah (EU) akan menghantar satu misi ke Malaysia dan negara-negara Asia lain bagi membantu memulihkan ekonomi negara-negara tersebut, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata misi itu bukan berbentuk satu rombongan untuk "fact finding" (mengumpul maklumat).

"Ia (misi ini) akan berlaku secepat mungkin," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah setibanya dari London setelah menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (ASEM 2).

Dr Mahathir berkata misi yang dicadangkan oleh Korea Selatan itu adalah satu keputusan yang dicapai pada mesyuarat itu.

ASEM 2 yang berlangsung selama tiga hari dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dari 15 negara Kesatuan Eropah dan 10 negara Asia.

Misi itu akan melihat keadaan di negara-negara Asia untuk peluang pelaburan dan sebagainya, kata Dr Mahathir ketika ditanya sama ada negara-negara Kesatuan Eropah akan menghantar satu rombongan pelabur ke negara-negara Asia berikutan keputusan yang dicapai pada mesyuarat di London itu.

"Misi ini yang ditekankan ialah bukan 'fact-finding mission' kerana kalau ia 'fact-finding mission' mungkin mereka akan jumpa dengan 'facts' yang menyebabkan mereka membuat keputusan tidak sanggup melabur di sini. Sebaliknya mereka satu misi untuk menolong memulihkan semula ekonomi melalui pelaburan dan sebagainya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun cadangan misi itu dibuat oleh Korea Selatan, mesyuarat itu bersetuju supaya ia melibatkan semua negara (Asia).

Ketika ditanya sama ada beliau yakin misi itu akan menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir mereka kali ini betul-betul serius bila mereka menyatakan 'solidarity' (perpaduan) dengan Asia, nampak betul-betul bersemangat."

Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa negara-negara Kesatuan Eropah bukan sahaja memahami tentang keadaan (ekonomi) di Asia tetapi juga berminat untuk bekerjasama dengan negara-negara di rantau ini.

Beliau juga berkata buat pertama kalinya pemimpin-pemimpin Eropah mengakui bahawa dagangan matawang telah menyebabkan masalah kepada negara-negara Asia.

Mereka, kata Dr Mahathir, memahami betapa seriusnya masalah itu dan bersetuju supaya diadakan satu usaha untuk membentuk sistem kewangan antarabangsa yang dapat mengurangkan keadaan tidak menentu dalam pasaran kewangan termasuk keadaan tidak menentu yang disebabkan oleh dagangan matawang.

"Pada pendapat saya itulah keputusan yang penting sekali. Bagi saya itulah kesan yang penting (dalam ASEM 2)," kata beliau.

Cadangan Malaysia supaya wujud ketelusan dalam pasaran modal dan kewangan serta pengawasan pengaliran modal yang lebih ketat diterima oleh ASEM 2.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata di London bahawa semua pemimpin Eropah bersetuju tentang perlunya mewujudkan disiplin dalam sistem kewangan dalam negara masing-masing dan antarabangsa.

Beliau juga berpuas hati dengan hasil ASEM 2.

Dan hari ini, Dr Mahathir mengulangi bahawa pemimpin Eropah mengakui bahawa sistem (kewangan antarabangsa) yang ada sekarang mendatangkan kesan

buruk kepada dagangan antarabangsa serta menyebabkan banyak negara membangun ditekan sehingga berjuta-juta rakyat kehilangan pekerjaan.

Ketika ditanya pandangan beliau sama ada pemimpin Eropah kini benar-benar serius tentang masalah ekonomi di Asia, Dr Mahathir berkata: "Ya, nampak seriuslah daripada ucapan-ucapan yang dibuat oleh mereka."

"Barulah kali ini mereka sedar tentang betapa buruknya kesan daripada tekanan ke atas nilai matawang ini kerana saya dapat jelaskan bagaimana berjuta-juta orang kehilangan mata pencarian," kata beliau. -- BERNAMA

ES AKD